



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



[L A P O R A N]
A n n u a l 2005 R e p o r t



PERUTUSAN PENERUSI	2	DASAR KORPORAT	15
RINGKASAN EKSEKUTIF	3 - 4	FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	16
UNDANG-UNDANG DAN KUASA	5 - 6	PIAGAM PELANGGAN	17
PETIKAN DARIPADA PERLEMBAGAAN	7	URUSAN PENGAMBILAN	18 - 21
SENARAI NAMA PENERUSI, TIMBALAN PENERUSI, AHLI SURUHANJAYA DAN TARIKH LANTIKAN	8 - 9	URUSAN PERKHIDMATAN	22 - 31
KEAHLIAN SURUHANJAYA	10 - 11	URUSAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB	32 - 34
CARTA FUNGSI	12	URUSAN KHIDMAT SOKONGAN	35 - 36
KEDUDUKAN PERJAWATAN	13	HASIL KERJA SURUHANJAYA DALAM TAHUN 2005	37
PENGURUSAN TERTINGGI	14	KEGIATAN-KEGIATAN SURUHANJAYA	38
		PENGHARGAAN	39
		GLOSARI	40

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpahNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sekali lagi dapat menerbitkan buku Laporan Tahunan bagi tahun 2005. Penerbitan buku Laporan Tahunan ini adalah selaras dengan keperluan Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang mengkehendaki kegiatan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) didokumenkan.

Sepanjang tahun 2005, SPP dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dengan cekap dan berkesan. Kerjasama yang baik dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Suruhanjaya dan Urus Setia SPP dalam merancang dan melaksanakan fungsi SPP, telah meningkatkan lagi perkhidmatan dan kualiti kerja.

Bagi memenuhi hasrat dan keperluan pelanggan, beberapa siri Program Hari Bertemu Pelanggan SPP telah diadakan setiap bulan sama ada di ibu pejabat SPP atau di luar Ibu Pejabat SPP seperti yang telah diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, sistem perhubungan utama iaitu telefon telah dinaiktaraf menggunakan Sistem TM Centrax bagi menggantikan sistem Meisei PABX yang mempunyai pelbagai fungsi bagi memudahkan urusan melayani permasalahan pelanggan menerusi telefon. Bagi meningkatkan jalinan kerjasama dengan agensi yang mempunyai kaitan dengan tugas dan peranan SPP, perancangan untuk mengadakan Seminar Perkhidmatan Pendidikan dan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan antara SPP dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah dimulakan pada pertengahan tahun 2005.

Saya dan Ahli Suruhanjaya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bagi urusan temu duga dan lawatan kerja. Antara agensi-agensi yang berkenaan ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian/Daerah, Pusat Sumber Pelajaran Negeri, Politeknik dan Pusat Kegiatan Guru sekolah-sekolah di Malaysia.

Sekian, terima kasih,

Tan Sri Datuk Abdul Rafie bin Mahat
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



PENGENALAN

Laporan Tahunan ini disediakan selaras dengan peruntukan Suruhanjaya di bawah Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengemukakan laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinan laporan ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

SPP telah ditubuhkan mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan pada 1 Januari 1974. SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 16 orang Ahli.

FUNGSI-FUNGSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Di bawah Perkara 144A(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya adalah berkuasa terhadap Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tata tertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam Perkhidmatan Pendidikan. Bagi melaksanakan kuasanya itu, Suruhanjaya lazimnya bermesyuarat sekali setiap dua minggu untuk membincangkan dan membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan tersebut. Mesyuarat Lembaga Rayuan Tata tertib dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat juga diadakan serentak selepas Mesyuarat Suruhanjaya.

AGENSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

SPP adalah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Ahli-ahli Suruhanjaya disediakan

kemudahan dan perkhidmatan oleh pihak pengurusan SPP yang diketuai oleh Setiausaha Suruhanjaya yang merupakan Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal peruntukan agensi.

KEWANGAN

Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan di bawah maksud Tanggungan 10(T.10) sebanyak RM4,391,000.00 di mana sebanyak RM3,881,270.81 atau 88.39% (peratusan) telah dibelanjakan. Dari peruntukan sebanyak RM8,264,200.00 di bawah maksud Bekalan 40 (B.40), sebanyak RM8,187,130.28 atau 99.07% (peratusan) telah dibelanjakan.

URUSAN PENGAMBILAN

Bagi urusan pengambilan PPP seramai 17,081 orang calon telah hadir untuk ditemu duga dan 15,362 orang calon telah diperakukan untuk pelantikan tetap. Manakala seramai 715 orang calon tidak diperakukan. Bagi urusan pengambilan AKS, seramai 40,260 orang calon telah dipanggil untuk temu duga dan seramai 30,298 telah diperakukan pelantikan tetap. Di Semenanjung, seramai 4,446 orang calon daripada 21,966 yang telah diperakukan telah dilantik manakala di Sabah dan Sarawak pula, lantikan AKS dibuat pada tahun 2006.



URUSAN PERKHIDMATAN

Suruhanjaya telah meluluskan 48,851 perakuan urusan perkhidmatan PPP dan AKS sepanjang tahun 2005 yang meliputi urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen. Selain itu, seramai 168 orang PPP dan AKS telah diluluskan Pertukaran Sementara, Pinjaman, Pelantikan Kontrak, Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak dan 2 orang telah diluluskan Penamatan Perkhidmatan.

URUSAN RAYUAN KENAIKAN PANGKAT, TINDAKAN TATATERTIB DAN RAYUAN TATATERTIB

Bagi urusan rayuan kenaikan pangkat, Suruhanjaya telah menimbang 28 rayuan kenaikan pangkat dan



menolak kesemua rayuan. Manakala di bawah urusan tatatertib, daripada sejumlah 41 kes yang dilaporkan, Suruhanjaya telah menimbang dan menyelesaikan 21 kes. Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Tatatertib juga telah menimbang 66 kes di bawah urusan rayuan tatatertib.

SISTEM MAKLUMAT ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Suruhanjaya juga telah mewujudkan Sistem Berkomputer untuk menyimpan maklumat PPP dan AKS. Sistem permohonan secara 'online' telah dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada calon untuk membuat permohonan melalui internet.



PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada 1 Januari 1974 mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaannya sekarang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 16 orang Ahli Suruhanjaya. Semua Ahli SPP kecuali Setiausaha, adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setiausaha adalah ahli 'ex-officio' dalam Suruhanjaya.

KUASA SURUHANJAYA

Di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya adalah berkuasa terhadap Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Suruhanjaya melaksanakan kuasanya secara terus bagi urusan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib bagi PPP dan AKS dalam Perkhidmatan Pendidikan. Walau bagaimanapun, sebahagian kuasa Suruhanjaya bagi urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib telah diberikan kepada lembaga-lembaga tertentu yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 144(5B) Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada melaksanakan kuasanya secara terus, Suruhanjaya juga melaksanakan secara penurunan kuasa mengikut Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan. Di antara penurunan kuasa yang telah diwakilkan ialah:

- **Penurunan Kuasa**
 - (i) menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran, Pengarah



Pelajaran Negeri dan Pengetua Institut/ Maktab Perguruan dan Politeknik bagi urusan Pelantikan ke Jawatan Tetap, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan bagi jawatan AKS yang mensyaratkan kelayakan masuk lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran/Penilaian Menengah Rendah;

Contohnya ialah jawatan Pembantu Am Rendah Gred N1 dan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3.

(ii) menurunkan kuasa kepada sebuah Lembaga yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Jabatan Pelajaran Pra Sekolah Rendah dan Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi urusan Pemberian Taraf Berpencen kepada pekerja dalam kumpulan perkhidmatan, pentadbiran dan sokongan, perkhidmatan mahir, separuh mahir dan tidak mahir dalam kumpulan sokongan yang mensyaratkan kelayakan masuk lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran/Penilaian Menengah Rendah;

(iii) menurunkan kuasa kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Jabatan Sekolah dan Pengarah Bahagian Sekolah) bagi urusan Pelantikan Secara Kontrak guru yang telah bersara wajib ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29;

(iv) menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pengarah Pelajaran Negeri dan Pengetua Institut/Maktab Perguruan dan Politeknik bagi urusan Pelantikan Secara Kontrak bagi jawatan AKS iaitu jawatan Pekerja Rendah Awam Gred R1, Jaga Gred R1 dan Tukang Masak Gred N1; dan

(v) memberi ketetapan kuasanya kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Suruhanjaya. Keputusan yang dibuat oleh mereka dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya untuk pengesahan Suruhanjaya. Penurunan kuasa ini dibuat melalui kaedah-kaedah yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya pada 14 April 2003 mengikut Perkara 144(8) Perlembagaan Persekutuan.



Petikan daripada Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa-kuasa Suruhanjaya tersebut adalah seperti berikut:

• **PERKARA 144 (1) :**

Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajipan sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

• **PERKARA 144 (5B(I)) :**

- (i) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan Perkara 141A, lain daripada kuasa membuat pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh suatu jemaah yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Akta A193);
- (ii) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan penjalanan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut di atas oleh jemaah itu boleh merayu kepada suatu Jemaah Rayuan yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (iii) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh dengan peraturan-peraturan membuat peruntukan

bagi perkara-perkara berhubung dengan pelantikan ahli-ahli jemaah atau ahli-ahli Jemaah Rayuan itu, dan acara yang akan diikuti oleh jemaah atau Jemaah Rayuan itu di bawah Fasal ini; dan

- (iv) Jika Yang Di-Pertuan Agong telah melantik jemaah itu di bawah perenggan (i) Fasal ini bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut dalam perenggan itu, maka kuasa atau tugas itu hendaklah terhenti daripada dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut selagi kuasa atau tugas itu masih menjadi suatu kuasa atau tugas yang akan dijalankan.

• **PERKARA 144 (6) :**

Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini boleh mewakilkan mana-mana tugasnya di bawah Fasal (1) mengenai sesuatu tingkatan perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana jemaah pegawai-pegawai yang dilantik olehnya itu, dan pegawai atau jemaah itu hendaklah menjalankan tugas-tugas itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

• **PERKARA 144 (8) :**

Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan, boleh membuat kaedah-kaedah mengaturkan caranya dan menetapkan bilangan ahli-ahlinya untuk menjadikan 'quorum'.

**SENARAI NAMA Pengerusi, Timbalan Pengerusi,
Ahli Suruhanjaya dan Tarikh Lantikan**

NAMA	TARIKH LANTIKAN
Y.BHG. TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT P.S.M., P.J.N., D.P.M.P., D.S.N.S., D.M.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. PENGERUSI SPP	08.01.2005
Y.BHG. DATO' HAJI ABDUL RAOF BIN HUSSIN D.S.P.N., A.M.N. TIMBALAN PENERUSI SPP	22.08.2001
Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD BIN KHALID D.S.D.K., J.S.M., S.M.S., K.M.N. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2001
Y.BHG. DATO' HAJI MOHAMED BIN HASAN D.I.M.P., A.M.N., P.K.T. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2001
ENCIK YIP SEONG CHEE K.M.N., A.M.N. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2001
Y.BHG. DATO' HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFFA D.P.M.T., K.M.N., A.M.N., P.J.C., P.J.K. AHLI SURUHANJAYA	05.02.2002
ENCIK SURJEET SINGH AHLI SURUHANJAYA	30.12.2002
Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD ZAINUDDIN BIN OTHMAN D.P.M.P., K.M.N., P.P.T. AHLI SURUHANJAYA	21.05.2003
Y.BHG. DATO' HABIBAH BINTI ZON D.P.M.P., K.M.N. AHLI SURUHANJAYA	25.08.2003
Y.BHG. DATO' DR. HAJAH WAN CHIK RAHMAH BINTI WAN DIN D.P.M.P., A.M.N. AHLI SURUHANJAYA	25.08.2003
TUAN HAJI ASMAWI BIN HAJI ABDUL KADIR P.M.P., A.M.N., P.P.T. AHLI SURUHANJAYA	25.08.2003
ENCIK NGOO KONG HEE K.M.N., P.J.C. AHLI SURUHANJAYA	25.08.2003

NAMA	TARIKH LANTIKAN
TUAN HAJI MOHAMMAD NISTAH BIN HAJI KABUL A.M.N., A.D.K., B.S.K., B.K. AHLI SURUHANJAYA	13.01.2004
ENCIK RAJALINGAM A/L KARUPPIAH P.J.K. AHLI SURUHANJAYA	04.08.2004
TUAN HAJI SENAN BIN IBRAHIM K.M.N., A.M.N., P.I.S. AHLI SURUHANJAYA	01.11.2004
Y.BHG. DATO' MOHD NAWI BIN HAJI AHMAD D.I.M.P., J.S.S.M., K.M.N. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2005
Y.BHG. DATO' HAJAH RAHIMAH BINTI DATO' HAJI AHMAD D.S.P.N., J.S.M., D.J.N., K.M.N. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2005
ENCIK BLAWAN EMBAYAU A.M.N., P.P.B. AHLI SURUHANJAYA	21.09.2005

PENGERUSI



Y.BHG. TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD
(08.01.1999 - 07.01.2005)



Y.BHG. TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT
(Mulai 08.01.2005 sehingga kini)

TIMBALAN PENERUSI



Y.BHG. DATO' HAJI ABDUL RAOF BIN HUSSIN

SETIAUSAHA

(AHLI EX-OFFICIO)



Y.BHG. DATO' HAJAH RAHIMAH BINTI HAJI AHMAD
(18.11.2002 - 12.09.2005)



Y.BHG. DATO' NOORAISHAH BINTI AHMAD TAJUDIN
(Mulai 13.09.2005 sehingga kini)

**AHLI-AHLI
SURUHANJAYA**



Berdiri dari kiri:
ENCIK YIP SEONG CHEE
ENCIK SURJEET SINGH
Duduk dari kiri:
Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD BIN KHALID
Y.BHG. DATO' HAJI MOHAMED BIN HASAN



Berdiri dari kiri:
TUAN HAJI ASMAWI BIN HAJI ABDUL KADIR
Y.BHG. DATO' HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFFA
Duduk dari kiri:
Y.BHG. DATO' HAJI AHMAD ZAINUDDIN BIN OTHMAN
Y.BHG. DATO' DR. HAJAH
WAN CHIK RAHMAH BINTI WAN DIN




Berdiri dari kiri:
ENCIK NGOO KONG HEE
ENCIK RAJALINGAM A/L KARUPPIAH
TUAN HAJI MOHAMMAD NISTAH BIN HAJI KABUL
TUAN HAJI SENAN BIN IBRAHIM



Berdiri dari kiri:
Y.BHG. DATO' MOHD NAWI BIN HAJI AHMAD
Y.BHG. DATO' HAJAH RAHIMAH BINTI DATO' HAJI AHMAD
ENCIK BLAWAN EMBAYAU
Y.BHG. DATO' HABIBAH BINTI ZON

CARTA FUNGSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



1. Pegawai Tadbir dan Diplomatik JUSA B	-	1
2. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M54	-	2
3. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M52	-	2
4. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M48	-	5
5. Pegawai Sistem Maklumat F48	-	1
6. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44	-	12
7. Pegawai Sistem Maklumat F44	-	1
8. Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41	-	14
9. Pegawai Sistem Maklumat F41	-	2
10. Pegawai Penerangan S41	-	1
11. Penolong Pegawai Tadbir N32	-	10
12. Penolong Pegawai Sistem Maklumat F29	-	6
13. Penolong Pegawai Tadbir N27	-	11
14. Penolong Akauntan W27	-	1
15. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N26	-	4
16. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22	-	13
17. Pembantu Perpustakaan S22	-	1
18. Pembantu Tadbir (Kewangan) W22	-	1
19. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N22	-	3
20. Pembantu Tadbir (Kewangan) W17	-	7
21. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17	-	96
22. Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N17	-	12
23. Juruteknik Komputer F17	-	1
24. Pembantu Tadbir Rendah N11	-	33
25. Pembantu Am Rendah N4	-	2
26. Pembantu Am Rendah/PC/Penjaga Pejabat N1	-	16
27. Pemandu Kenderaan Bermotor R3	-	7

JUMLAH KESELURUHAN

265

Nota : Kedudukan perjawatan ini termasuk pertambahan 82 jawatan yang diterima dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2004.

PENGURUSAN TERTINGGI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



Y.BHG. DATO' NOORAISHAH BINTI AHMAD TAJUDIN
Setiausaha SPP



Y.BRS. ENCIK ABDUL RAZAK BIN WAHAB
Timbalan Setiausaha (P)



Y.BRS. ENCIK CHIN WENG PENG
Timbalan Setiausaha (K)



ENCIK AHMAD BIN MUSA
KPSU (P)

KPSU (NT)



ENCIK MANSOR BIN OMAR
KPSU (TM)



PUAN NORFAIZAH BINTI OMAR
KPSU (K)



ENCIK NOOR MOHD HUZAILA BIN ABDUL MAJID
KPSU (T)



ENCIK MOHD YAZID BIN SAIRI
KPSU (A)



CIK SH. SITTI SALEHA BINTI HB.YUSSOF
KPP (S)



ENCIK ALI NORUDDIN BIN BOYING
KPP (Q)

Dasar Korporat yang dihayati ialah :-

W A W A S A N

Menjadikan SPP sebuah organisasi yang dinamik, berkualiti dan mesra pelanggan

M I S I

Memastikan urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan dilaksanakan dengan berkualiti ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara

O B J E K T I F

Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi pelantikan, urusan perkhidmatan dan kawalan tata tertib dan naik pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan

D A S A R Q

SPP adalah komited terhadap usaha penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi harapan pelanggan

S L O G A N Q

Bersama Ke Arah Kecemerlangan

K O D E T I K A

Amanah dan Keikhlasan

Mesra Pelanggan

Bertanggungjawab dan Beriltizam

Tegas dan Berdisiplin

Bersyukur dan Berusaha Ke Arah Kecemerlangan Diri

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber : Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. Dalam hubungan ini Suruhanjaya sukacita memberi komitmen bahawa:

URUSAN TEMU DUGA

- 1.1 Semua kategori calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya 2 bulan dan selewat-lewatnya 6 bulan dari tarikh terima borang permohonan lengkap. *
- 1.2 Semua kategori calon Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang layak, yang mengemukakan permohonan lengkap dan memenuhi syarat asas tapisan yang ditetapkan, akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya 3 bulan dan selewat-lewatnya 9 bulan dari tarikh tutup iklan. *
- 1.3 Surat Akuan Terima bagi permohonan calon PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh terima borang permohonan lengkap.

Nota *: Bagi calon Negeri Sabah dan Sarawak, urusan temu duga bergantung kepada kapasiti tempat temu duga berbanding jumlah calon.

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN TEMU DUGA

Keputusan temu duga bagi kategori PPP (tidak termasuk calon Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)) dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu selepas Mesyuarat Suruhanjaya.

PENGELUARAN SURAT PENGESAHAN PELANTIKAN

Surat Pengesahan Pelantikan bagi semua kategori PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh terima Pakej Setuju Terima (PST). PST merangkumi Surat Setuju Terima Tawaran, Surat Akuan Sumpah dan Surat Pemeriksaan Doktor.

URUSAN PERKHIDMATAN

Keputusan urusan perkhidmatan mengenai Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen akan dimaklumkan dalam tempoh 6 minggu dari tarikh terima perakuan lengkap.

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB

Urusan Rayuan Kenaikan Pangkat, Tindakan Tatatertib dan Rayuan Tatatertib diputuskan dalam tempoh 4 minggu, dikira dari tarikh terima perakuan yang lengkap dan teratur.

KHIDMAT PEMULIHAN

Sila kemukakan laporan bertulis kepada Setiausaha SPP sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak mematuhi Piagam Pelanggan yang ditetapkan.

LEMBAGA PERMULAAN

Lembaga Permulaan ditubuhkan untuk membuat penapisan terhadap calon yang telah mengemukakan permohonan untuk dilantik ke jawatan tetap Anggota Kumpulan Sokongan (AKS). Penapisan dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dari semasa ke semasa. Lembaga Permulaan ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Suruhanjaya dan dianggotai oleh Setiausaha Suruhanjaya dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan.

LEMBAGA TEMU DUGA

Urusan temu duga bagi calon untuk pelantikan ke jawatan tetap dijalankan oleh Lembaga Temu Duga. Lembaga Temu Duga ditubuhkan dari semasa ke semasa yang mana setiap satunya mengandungi seorang Ahli Suruhanjaya sebagai Pengerusi dan seorang pegawai Suruhanjaya sebagai Urus Setia. Biasanya di antara 15 hingga 17 Lembaga Temu Duga ditubuhkan untuk satu jadual temu duga.

PUSAT TEMU DUGA

Pusat temu duga diadakan di ibu pejabat Putrajaya serta cawangan SPP di Sabah dan Sarawak. Selain itu, pusat temu duga diadakan di setiap ibu negeri dan di beberapa bandar lain termasuk kawasan pedalaman tertentu.

URUSAN TEMU DUGA

Urus Setia membantu Ahli Suruhanjaya melaksanakan urusan pengambilan untuk pelantikan tetap bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS). Urus Setia bertanggungjawab mempelawa calon yang berkelayakan penuh untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik ke jawatan berkenaan.

Semua permohonan yang diterima akan diproses bagi mengenal pasti calon yang berkelayakan sahaja dipanggil untuk ditemu duga. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenal pasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Di samping itu, Urus Setia juga akan menyediakan Kertas Suruhanjaya yang mengandungi perakuan oleh Lembaga Temu Duga bagi calon yang didapati sesuai.

PELANTIKAN TETAP

Sebaik sahaja perakuan Pelantikan Tetap diluluskan oleh Suruhanjaya, Urus Setia akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Tetap kepada calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengesahan Pelantikan Tetap apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Suruhanjaya bertanggungjawab di dalam urusan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma Gred DGA29, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori B1/B2 Gred DG17 Khas Untuk Penyangang.

PRESTASI TEMU DUGA

Dalam Tahun 2005, seramai 17,081 calon PPP telah ditemu duga. Daripada jumlah tersebut seramai 15,362 calon PPP diperaku. Di Semenanjung, seramai 4,446 calon AKS daripada jumlah 21,966 yang telah diperaku telah dilantik tetap. Bagi Sabah dan Sarawak pula, lantikan AKS dibuat pada tahun 2006. Maklumat terperinci mengenai calon yang ditemu duga dan diperaku adalah seperti dalam Jadual 1A, 1B, 1C dan 1D.

**JADUAL 1A
BILANGAN CALON PPP YANG DITEMU DUGA
DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK**

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	978	211	133	1,322
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	7,813	977	932	9,722
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29	4,621	487	908	6,016
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	6	9	5	20
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG17	-	1	-	1
	13,418	1,685	1,978	17,081

**JADUAL 1B
BILANGAN CALON PPP YANG DIPERAKU UNTUK PELANTIKAN
TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK**

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	942	168	132	1,242
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	7,048	895	853	8,796
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29	4,065	420	825	5,310
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	2	7	4	13
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG17	0	1	-	1
	12,057	1,491	1,814	15,362


JADUAL 1C
BILANGAN CALON PPP YANG TIDAK DIPERAKU UNTUK PELANTIKAN
TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 (PJJ)	25	8	1	34
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41	285	26	33	344
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma Gred DGA29	243	40	53	336
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG27	0	1	-	1
JUMLAH	553	75	87	715

JADUAL 1D
BILANGAN CALON AKS YANG DITEMU DUGA DAN DIPERAKU UNTUK
PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Calon AKS yang ditemu duga	28,759	7,196	4,305	40,260
Calon AKS yang diperaku	21,966	4,221	4,111	30,298

CARTA 1
BILANGAN CALON PPP DAN AKS YANG DITEMU DUGA, DIPERAKU DAN TIDAK DIPERAKU UNTUK PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK



PENGENALAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berkuasa untuk menimbang perakuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah (bagi Negeri Selangor) berkaitan dengan urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Sementara, Pinjaman, Pelantikan Kontrak, Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak dan Penamatan Perkhidmatan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENECEN

Suruhanjaya bertanggungjawab untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen seseorang pegawai yang dilantik tetap ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) setelah memenuhi syarat-syarat pelantikan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, P.U.(A) 176 Tahun 2005, iaitu seperti berikut:

- telah menjalani tempoh percubaan yang disyaratkan dalam perkhidmatannya antara 1 hingga 3 tahun di bawah Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa 1 November 2002;
- telah hadir dan lulus dengan jayanya kursus induksi serta semua peperiksaan yang disyaratkan dalam tempoh percubaannya;
- opsyen untuk memilih sama ada Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2001; dan
- mendapat perakuan Ketua Jabatan.

Suruhanjaya bertanggungjawab untuk memberi Taraf Berpencen di bawah Akta Pencen, 1992 (Pindaan) Akta A823 dan Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, P.U.(A) 176 Tahun 2005. Seseorang pegawai layak untuk Pemberian Taraf Berpencen setelah disahkan dalam perkhidmatan sekarang dan genap 3 tahun perkhidmatan yang diambil kira.


Suruhanjaya boleh menimbang Pelanjutan Tempoh Percubaan bagi seseorang pegawai mengikut Peraturan 28, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, P.U.(A) 176 Tahun 2005 dan hanya diluluskan atas sebab-sebab yang munasabah dan berdasarkan perakuan Ketua Jabatan. Tujuan Pelanjutan Tempoh Percubaan ialah untuk memberi peluang dan masa tambahan kepada pegawai berkenaan supaya berusaha memenuhi syarat-syarat bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (Suruhanjaya boleh dalam kes tertentu, memendekkan tempoh percubaan seseorang pegawai atau mengecualikannya daripada tempoh percubaan).

Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan yang lengkap bagi 9,781 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2A dan Carta 2A berikut:

**JADUAL 2A
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	7,073	644	903	8,620
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	393	216	162	771
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	294	15	81	390
JUMLAH	7,760	875	1,146	9,781

**CARTA 2A
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan secara serentak perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen yang lengkap bagi 24,343 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2B dan Carta 2B berikut:

**JADUAL 2B
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN
TARAF BERPENECEN**

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	6,509	10,010	845	17,364
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	3,900	618	493	5,011
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	1,640	60	268	1,968
JUMLAH	12,049	10,688	1,606	24,343


**CARTA 2B
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN
TARAF BERPENECEN**



Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan secara serentak perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen yang lengkap bagi 189 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2C dan Carta 2C berikut:

JADUAL 2C PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN				
Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	56	5	2	63
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	11	7	2	20
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	59	12	35	106
JUMLAH	126	24	39	189


**CARTA 2C
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**



Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan secara serentak perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan yang lengkap bagi 38 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2D dan Carta 2D berikut:

JADUAL 2D PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN				
Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	16	1	-	17
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	-	2	1	3
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	17	-	1	18
JUMLAH	33	3	2	38


**CARTA 2D
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**



Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan yang lengkap bagi 199 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2E dan Carta 2E berikut:

JADUAL 2E PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN				
Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	28	1	5	34
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	15	1	1	17
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	76	16	56	148
JUMLAH	119	18	62	199

**CARTA 2E
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN**




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pemberian Taraf Berpencen yang lengkap bagi 5,821 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2F dan Carta 2F berikut:

**JADUAL 2F
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN**

Jawatan	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	1,630	422	544	2,596
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	1,450	485	329	2,264
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	777	41	143	961
JUMLAH	3,857	948	1,016	5,821

**CARTA 2F
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN**




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan opsyen Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang lengkap bagi 17,310 orang pegawai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2G dan Carta 2G berikut:

**JADUAL 2G
OPSYEN PENCEN ATAU
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

Opsyen	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
Pencen	12,175	1,645	1,609	15,429
KWSP)	1,224	370	287	1,881
JUMLAH	13,399	2,015	1,896	17,310

**CARTA 2G
OPSYEN PENCEN ATAU
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**



PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan lain yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama dalam tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dari perkhidmatan asalnya. Dalam hal ini, Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan permohonan 6 orang pegawai untuk dilantik secara pertukaran sementara.

PINJAMAN

Pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan asalnya. Pinjaman boleh diuruskan kepada agensi awam, swasta dan agensi antarabangsa. Pegawai akan ditawarkan syarat pinjaman yang mana secara keseluruhannya tidak kurang baiknya dari syarat perkhidmatannya di jawatan asal. Pinjaman boleh dilaksanakan setelah ada persetujuan antara pembekal, agensi peminjam dan pegawai berkenaan. Bagi urusan pinjaman, sebanyak 152 perakuan telah diterima dan diluluskan dalam tahun 2005.

PELANTIKAN SECARA SEMENTARA

Lantikan seseorang pegawai oleh sesebuah Pihak Berkuasa Melantik dengan ditawarkan syarat-syarat pelantikan sementara untuk berkhidmat di agensi awam atas sebab tertentu. Syarat penting di dalam pelantikan sementara adalah tempoh perkhidmatan yang tidak melebihi 3 tahun. Lain-lain syarat adalah sama dengan syarat lantikan tetap. Bagi tahun 2005, tiada perakuan diterima bagi maksud ini.

PELANTIKAN SECARA KONTRAK / PEMBAHARUAN PELANTIKAN SECARA KONTRAK

Pelantikan Secara Kontrak / Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak bermaksud lantikan seseorang ke satu jawatan yang dibuat mengikut syarat kontrak yang dipersetujui antara Pihak Berkuasa Melantik dan pegawai. Pelantikan boleh bersandar atau mengisi jawatan sedia ada dari kalangan pesara sama ada awam atau bekas tentera / polis, bukan warganegara atau pegawai yang tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan tetapi perkhidmatan mereka diperlukan oleh Kerajaan. Pelantikan secara kontrak dibuat dengan syarat-syarat perkhidmatan khas untuk sesuatu tempoh tertentu selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2003. Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan pelantikan secara kontrak / pembaharuan pelantikan secara kontrak bagi 10 orang pegawai sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam tahun 2005.

PENAMATAN PERKHIDMATAN

Penamatan Perkhidmatan seseorang pegawai yang masih dalam tempoh percubaan oleh pihak Berkuasa Melantik. Perkhidmatan seseorang pegawai boleh ditamatkan dalam keadaan berikut:

- i. Menyembunyikan maklumat kesihatan semasa pemeriksaan perubatan; atau
- ii. Membuat sumpah palsu; atau
- iii. Gagal disahkan kerana tidak diperakukan oleh ketua jabatan atau gagal / tidak hadir dalam kursus induksi / peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan.

Penamatan perkhidmatan di bawah peraturan 46, 47, 48 dan 49 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005) bukan tindakan tatatertib. Sepanjang tahun 2005, 2 orang pegawai telah ditamatkan perkhidmatan oleh Suruhanjaya.

USAHA MEMPERCEPATKAN PERAKUAN URUSAN PERKHIDMATAN

Piagam Pelanggan urusan perkhidmatan telah diperbaharui mulai September 2005 iaitu semua urusan diselesaikan dalam tempoh 6 minggu dari tarikh penerimaan perakuan lengkap berbanding 8 minggu sebelum September 2005.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kelewatan dalam urusan perkhidmatan. Pelaksanaan kaedah pengumpulan dan penganalisaan perangkaan yang lebih komprehensif adalah bertujuan untuk menangani masalah kelewatan ini.

PENCAPAIAN KESELURUHAN

Pencapaian urusan perkhidmatan secara keseluruhan adalah seperti Jadual 2H berikut:

**JADUAL 2H
PENCAPAIAN KESELURUHAN
URUSAN PERKHIDMATAN**

Aktiviti	Jumlah
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	9,781
Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Pencen	24,343
Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	189
Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	38
Pelanjutan Tempoh Percubaan	199
Pemberian Taraf Berpencen	5,821
Opsyen Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	17,310
Jumlah kecil	57, 681
Pertukaran Sementara	6
Pinjaman	152
Pelantikan Secara Kontrak	1
Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak	9
Pelantikan Secara Sementara	-
Penamatan Perkhidmatan	2
Jumlah Besar	57, 851

PENGENALAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bertanggungjawab meneliti dan menimbang kes rayuan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS). Suruhanjaya juga turut menimbang rayuan tindakan tatatertib daripada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang terlibat.

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974 [P.U. (A) 89], menetapkan bahawa urusan kenaikan pangkat PPP diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan. Bagi urusan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, SPP adalah badan tunggal untuk perkara tersebut.

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN RAYUANNYA

Dalam tahun 2005, Suruhanjaya telah menerima perakuan dan meluluskan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat, Suruhanjaya juga telah menimbang rayuan 28 orang pegawai. Keputusan rayuan kenaikan pangkat adalah seperti Jadual 3A berikut:

**JADUAL 3A
KES RAYUAN KENAIKAN PANGKAT YANG
DISELESAIKAN**

Urusan	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	Jumlah
Rayuan Kenaikan Pangkat diproses	28	28
Rayuan Kenaikan Pangkat diselesaikan	28	28

TINDAKAN TATATERTIB

Suruhanjaya bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib untuk menerima, menimbang dan memutuskan tindakan tatatertib ke atas PPPS. Semua keputusan bagi kes tatatertib yang telah diputuskan oleh Suruhanjaya adalah muktamad.

Dalam tahun 2005, 21 kes tindakan tatatertib telah dapat diselesaikan seperti Jadual 3B berikut:

**JADUAL 3B
KES TINDAKAN TATATERTIB YANG
DISELESAIKAN**

Kategori Kesalahan	Jumlah
Sabitkan Mahkamah	9
Tidak Hadir Bertugas	8
Tata kelakuan lain	4
Jumlah	21

Daripada 21 kes tindakan tatatertib yang ditimbang oleh Suruhanjaya sebanyak 12 kes berkesudahan dengan hukuman tatatertib seperti Jadual 3C berikut:

**JADUAL 3C
HUKUMAN TINDAKAN TATATERTIB**

Bil.	Jenis Hukuman	Jenis Kesalahan	Jumlah
1.	Buang Kerja	- Tidak hadir bertugas	2
		- Kes jenayah	1
		- Memiliki cecair 'codaine' dan 'cannabis'	1
2.	Buang Kerja dan Lucut Hak Emolumen	Tidak hadir bertugas	2
3.	Turun Gaji	Tidak hadir bertugas	1
4.	Turun Gaji dan Amaran	- Gangguan seksual	1
		- Khalwat	1
5.	Tanggung Pergerakan Gaji	Tidak hadir bertugas	1
6.	Amaran	- Salah guna pesanan kerajaan	1
		- Memandu secara bahaya mengakibatkan kemalangan	1
JUMLAH			12

Baki 9 kes tidak dijatuhkan hukuman tatatertib atas alasan:

- i. 2 kes pegawai telah meletakkan jawatan;
- ii. 1 kes pegawai diluluskan persaraan sendiri oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum dokumen lengkap proses tatatertib diperolehi; dan
- iii. 6 kes pegawai dibebaskan oleh mahkamah.

RAYUAN TATATERTIB

SPP adalah juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib. PPP dan AKS dalam Perkhidmatan Pendidikan yang telah dikenakan hukuman tatatertib oleh mana-mana Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan boleh mengemukakan rayuannya kepada

Suruhanjaya untuk dipertimbangkan semula hukuman yang telah diterimanya. Selaku Lembaga Rayuan, Suruhanjaya telah menimbang dan memutuskan rayuan daripada 66 orang dengan membuat keputusan seperti Jadual 3D berikut:

**JADUAL 3D
KEPUTUSAN KES RAYUAN TATATERTIB YANG DISELESAIKAN**

Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah/ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD)	Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	Jumlah
Semua hukuman dikekalkan	5	38	17	60
Setengah hukuman dikekalkan dan setengah hukuman dipinda	-	1	-	1
Semua hukuman dipinda	-	2	-	2
Semua hukuman diketepikan	-	-	1	1
Kes dikembalikan ke Kementerian Pelajaran Malaysia	-	1	1	2
Jumlah Besar	5	42	19	66

KES YANG DISELESAIKAN

Secara keseluruhannya, urusan Naik Pangkat dan Tatatertib adalah seperti Jadual 3E berikut:

**JADUAL 3E
URUSAN NAIK PANGKAT & TATATERTIB
YANG DISELESAIKAN**

Urusan	Kes-kes yang diselesaikan			Jumlah
	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS)/ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD)	Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	
Kenaikan Pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	1	-	-	1
Rayuan Kenaikan Pangkat	28	-	-	28
Tindakan Tatatertib	21	-	-	21
Rayuan Tindakan Tatatertib	5	42	19	66
Jumlah Besar	55	42	19	116

PERANAN DAN FUNGSI

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan kebajikan Ahli Suruhanjaya dan anggota kerja SPP. Selain daripada itu, tugas utamanya adalah menguruskan rekod Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dan menyediakan kemudahan sistem maklumat kepada Suruhanjaya serta pelanggan keseluruhannya.

Selaras dengan strategi pengurusan SPP iaitu perancangan kerja tahunan, pembangunan sistem teknologi maklumat, pemantapan proses kerja, penumpuan kepada pelanggan, pembangunan rangkaian kerjasama serta penstrukturan semula organisasi SPP, antara program kerja utama yang telah disempurnakan adalah seperti berikut :

PENGURUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA

Mesyuarat Suruhanjaya dan Lembaga Rayuan Tata tertib telah bersidang sebanyak 21 kali, manakala Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah bersidang sebanyak 4 kali bagi membuat keputusan mengenai urusan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Tindakan Tata tertib dan Rayuan Tata tertib, Kenaikan Pangkat dan Rayuan Kenaikan Pangkat bagi PPP dan AKS.

LAWATAN KERJA AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Lawatan Kerja Ahli Suruhanjaya ke Istana atau Pejabat Yang Di-Pertua Negeri serta agensi dan institusi pendidikan di seluruh negara diadakan dengan tujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan meninjau kemajuan institusi pendidikan di seluruh negara yang dilawati. Antara Istana, Pejabat Yang-Pertua Negeri serta institusi pendidikan yang dilawati ialah:

- i. Jabatan Pelajaran Negeri Sabah;
- ii. Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang;

- iii. Pejabat Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Seri Mutiara, Pulau Pinang;
- iv. Pejabat Pelajaran Daerah Langkawi;
- v. Sekolah Kebangsaan Kampung Bantal dan Sekolah Kebangsaan Mat Daling, Pahang;
- vi. Istana Sultan Abu Bakar, Pahang; dan
- vii. Pejabat Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak.

USAHA-USAHA PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2005, beberapa usaha telah dilaksanakan demi menambah baik pengurusan di SPP khususnya perkhidmatan kepada pelanggan iaitu:-

- i. mengadakan Hari Bersama Pelanggan di luar ibu pejabat seperti di Wilayah Persekutuan Labuan;
- ii. menukar sistem telefon PABX kepada sistem telefon TM Centrex yang mempunyai ciri-ciri seperti 'transfer call', 'forwarding call' dan 'pick up call' yang memudahkan kakitangan di SPP bagi urusan menjawab panggilan telefon;
- iii. menjalankan pengubahsuaian pejabat bagi mengatasi masalah pertambahan jawatan baru dan juga masalah ruang pejabat yang sempit; dan
- iv. menambah bilangan bilik temu duga dan menyediakan ruang menunggu di kawasan bilik temu duga bagi penyelesaian calon-calon temu duga.

Selaras dengan strategi meningkatkan jalinan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), mesyuarat perhubungan antara SPP dengan KPM dan KPTM telah diadakan sebanyak 4 kali. Selain itu, SPP juga telah menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan antara SPP dengan KPM dan KPTM pada 7 Januari 2005 di Hotel Legend, Kuala Lumpur dan Seminar Perkhidmatan Pendidikan pada 18-21 Disember 2005 di Bukit Merah Laketown Resort, Taiping, Perak yang turut dihadiri oleh

pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan pelajaran negeri. Antara isu utama yang telah dapat diselesaikan ialah :

- i. Pelantikan calon bukan warganegara yang diberi Guru Sandaran Terlatih (GST);
- ii. Pelantikan calon Pendidikan Jarak Jauh (PJJ);
- iii. Penempatan calon-calon Kursus Dalam Cuti (KDC);
- iv. Pengesahan Dalam Perkhidmatan Pelayan Pejabat / Pembantu Am Rendah;
- v. Rayuan bekas guru-guru kontrak Sabah; dan
- vi. Pelantikan Pengasuh Pra Sekolah ke jawatan Pembantu Pengurusan Murid.

• TANGGUNGAN 10 (T.10)


Dalam tahun 2005, sebanyak RM4,391,000.00 yang merupakan peruntukan di bawah Maksud Tanggungan 10 (T.10), telah diluluskan kepada SPP. Perbelanjaan yang dilakukan sehingga penutupan Akaun Awam tahun 2005 adalah sebanyak RM3,881,270.91 atau 88.39% (peratusan) dari jumlah peruntukan tahun 2005. Perbelanjaan tanggungan ini adalah bagi membiayai Gaji Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Elaun-elaun Tetap Bulanan, Tuntutan Perjalanan dan Ganjaran Ahli Suruhanjaya.

• MAKSUD BEKALAN 40 (B.40)


Di bawah Maksud Bekalan 40 (B.40), Urus Setia SPP telah diperuntukkan sebanyak RM8,264,200.00. Perbelanjaan sebenar yang dilakukan sehingga penutupan Akaun Awam tahun 2005 adalah sebanyak RM8,187,130.28 atau 99.07% (peratus) dari jumlah peruntukan keseluruhan tahun 2005.

Pecahan peruntukan dan perbelanjaan di bawah Maksud Tanggungan 10 (T.10) dan Bekalan 40 (B.40) adalah seperti di dalam Carta 4A dan Carta 4B.

CARTA 4A
PERATUSAN PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN
MAKSUD TANGGUNGAN 10 (T.10)
DAN BEKALAN 40 (B.40)



CARTA 4B
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
DI BAWAH MAKSUD TANGGUNGAN 10 (T.10)
DAN BEKALAN 40 (B.40)



H A S I L K E R J A S U R U H A N J A Y A D A L A M T A H U N 2 0 0 5

Kegiatan keseluruhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) sepanjang Tahun 2005 secara ringkasnya adalah seperti di bawah:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Mesyuarat Suruhanjaya	25
2.	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tata tertib	21
3.	Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	4
4.	Jumlah Calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Ditemu Duga	17,081
5.	Jumlah Calon Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) Ditemu Duga	40,260
6.	Pelantikan/Pengambilan <ul style="list-style-type: none"> • DG41 Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) • DG41 • DGA29 • DG27 • DG17 (Khas Untuk Penyandang (KUP)) • Pelantikan/Pengambilan AKS (Semenanjung sahaja) 	1,242 8,796 5,310 13 1 4,446
Jumlah		77,199
7.	Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Dalam Perkhidmatan • Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen • Perlanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen • Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan • Pelanjutan Tempoh Percubaan • Pemberian Taraf Berpencen • Opsyen Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) • Pertukaran Sementara • Pinjaman • Pelantikan Secara Kontrak • Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak • Pelantikan Secara Sementara • Penamatan Perkhidmatan 	9,781 24,343 189 38 199 5,821 17,310 6 152 1 9 - 2
Jumlah		57,851
8.	Naik Pangkat dan Tata tertib <ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan Pangkat • Rayuan Kenaikan Pangkat • Tindakan Tata tertib • Rayuan Tindakan Tata tertib 	1 28 21 66
Jumlah		116

K E G I A T A N - K E G I A T A N S U R U H A N J A Y A



*Lawatan Ahli dan Pegawai Kanan
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
ke Pejabat Yang Di-Pertua Negeri Seri Mutiara,
Pulau Pinang, Seri Mutiara pada 11 April 2005.*



*Lawatan Ahli dan Pegawai
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
ke Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang
pada 12 April 2005.*



*Hari Bertemu Pelanggan
di Wilayah Persekutuan Labuan
pada 2 Ogos 2005.*



*Malam Mesra Kelab Sukan dan
Kebudayaan Suruhanjaya Perkhidmatan
Pelajaran (SPP) pada 16 September 2005.*

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan perkhidmatan yang telah diberikan oleh beberapa orang Ahli Suruhanjaya dan pegawai SPP yang bersara pada tahun 2005 iaitu seperti berikut:

AHLI SURUHANJAYA:

- i. Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mazlan bin Ahmad
(8.1.1999 – 7.1.2005)
- ii. Tuan Haji Ramli bin Adros@Rambli
(4.4.2000 – 19.5.2005)
- iii. Y.Bhg. Dato' Sulaiman Khan bin Kala Khan
(7.8.2000 – 6.8.2005)
- iv. Y.Bhg. Dato' Anuar bin Ab Latif
(7.8.2000 – 6.8.2005)

PEGAWAI-PEGAWAI SPP:

- i. Encik Abdul Rahim bin Yen (10.3.2005)
- ii. Puan Sharifah Faridah binti Syed Akil (20.4.2005)
- iii. Encik Siron bin Sujak (6.6.2005)
- iv. Tuan Haji Hanaffi bin Muhammed (13.6.2005)
- v. Y.Bhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad
(12.9.2005)
- vi. Puan Zabedah binti Abd. Rahman (2.12.2005)

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri, agensi-agensi lain yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dengan menyediakan kemudahan dan bantuan untuk urusan temu duga dan lain-lain.

AKS	-	Anggota Kumpulan Sokongan
B.40	-	Bekalan 40
DG41	-	DG41/DG3
DGA29	-	DGA29/DGA6
DG27	-	DG27/DG6
DG17	-	DG17/DG8
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
JUSA	-	Jawatan Utama Sektor Awam
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KUP	-	Khas Untuk Penyandang
PC	-	Penghantar Cepat
PJJ	-	Pengajian Jarak Jauh
PPP	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPS	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
PPPLD	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma
PPPBS	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah
PTD	-	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
SPP	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
SST	-	Surat Setuju Terima
T.10	-	Tanggungjawab 10

